

25/12/1998

Negara semakin pulih daripada kegawatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara kini beransur pulih daripada kegawatan ekonomi yang melanda sejak setahun lalu dan rakyat masih dapat menyambut perayaan Krismas esok dalam keadaan meriah.

Dalam perutusan bagi mengucapkan `Selamat Menyambut Hari Krismas' kepada rakyat Malaysia beragama Kristian, Perdana Menteri berkata, sokongan padu rakyat terhadap langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi mula menampakkan hasil.

"Keadaan negara kita pada umumnya adalah jauh lebih baik daripada sebelum ini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia bertuah dan harus berterima kasih kerana sikap toleransi yang mereka amalkan berjaya menguat dan menyatupadukan masyarakat sehingga kegawatan ekonomi dan percubaan mencetuskan rusuhan tidak berjaya meretakkan keharmonian di kalangan mereka.

"Kita harus ambil iktibar daripada peristiwa di negara-negara lain yang mana kegawatan ekonomi telah mencetuskan rusuhan antara penganut agama yang berbeza."

"Ternampak jelas bahawa tindakan mengurangkan jurang perbezaan pembangunan antara kaum dapat mengurang dengan ketara kemungkinan perhubungan antara kaum menjadi tegang apabila krisis melanda negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun berlaku kegawatan ekonomi disebabkan serangan terhadap mata wang dan harga pasaran saham, masyarakat Kristian masih dapat menyambut Hari Krismas dalam keadaan meriah.

Menurutnya, rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya yang mewarnai negara ini dapat berkunjung ke rumah sahabat mereka yang beragama Kristian sepertimana perayaan Krismas pada tahun-tahun lalu.

Bagaimanapun, kerana masyarakat Islam sedang berpuasa, mereka tidaklah dapat menjamu selera walaupun masih boleh melawat sahabat mereka untuk mengucap selamat.

"Kunjung-mengunjung ketika hari-hari perayaan dapat merapatkan hubungan antara kaum dan agama serta menolong mengekalkan keamanan di negara ini."

"Saya dan isteri mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia beragama Kristian," kata Dr Mahathir.

(END)